

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	26/1/2013

Keyakinan, transformasi pulihkan Malaysia

UM-26/1/2013

DAVOS 25 Jan. - Malaysia mampu pulih daripada dilanda krisis ekonomi sebelum ini kerana mempunyai rakyat berkeyakinan tinggi serta pelaksanaan pelbagai dasar ekonomi dan program transformasi yang komprehensif.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pelaksanaan pelbagai program ekonomi baharu itu telah berjaya meningkatkan pelaburan dalam sektor swasta, yang seterusnya menambah peluang pekerjaan di pasaran.

"Hasilnya, dalam masa beberapa tahun sahaja, kami telah berjaya mencipta lebih daripada 300,000 pekerjaan baharu yang ditawarkan oleh sektor swasta," katanya.

Beliau berkata, peningkatan besar pelaburan di sektor swasta juga membolehkan kadar pengangguran di Malaysia kini berada dalam sekitar 3.1 peratus, yang boleh dianggap sebagai status 'semua rakyat bekerja.'

Najib berkata demikian ketika menjadi salah seorang ahli panel dalam perbincangan bertajuk 'Kemelesetan ekonomi dan risikonya' anjuran televisyen *Al-Jazeera* sempena Mesyuarat Tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini, hari ini.

Perbincangan yang disiarkan secara langsung di internet itu juga disertai oleh beberapa pemimpin negara lain seperti Presiden Iceland, Olafur Ragnar Grimsson; Timbalan Perdana Men-



NAJIB Tun Razak bersalaman dengan Perdana Menteri Belanda, Mark Rutte ketika mengadakan perbincangan dua hala sempena Mesyuarat Tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos, Switzerland, semalam. - BERNAMA

teri untuk Hal Ehwal Ekonomi dan Kewangan Turki, Ali Babacan serta ahli perniagaan dan tokoh akademik antarabangsa.

Najib juga berkata, pelaksanaan dasar-dasar mesra perniagaan termasuk sistem pendidikan

yang mampu memenuhi kehendak sektor itu juga membawa perubahan besar kepada kemajuan negara.

"Kami memberikan pelbagai insentif agar sektor swasta turut terlibat dalam sistem latihan dan

pendidikan negara," katanya.

Menyentuh mengenai semangat rakyat Malaysia, beliau berkata, pegangan semangat 'Malaysia Boleh' menjadi antara faktor penting yang mempercepatkan proses pemulihan negara mengi-

kut acuan tersendiri.

Katanya, sebagai contoh, ketika dilanda krisis kewangan Asia sebelum ini, Malaysia tidak mahu mengikut kaedah pemulihan yang dicadangkan oleh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) kerana mempunyai kesan sosial dan politik kepada negara.

"Kami tidak mengikut cadangan IMF itu dan melaksanakan kaedah pemulihan tersendiri yang akhirnya terbukti berkesan," tambahnya.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Maximus Ongkili turut berkongsi maklumat mengenai program inovasi Malaysia yang telah membawa kejayaan kepada pembangunan negara.

Selain menjadi ahli panel perbincangan bersama *Al-Jazeera* itu, Perdana Menteri juga akan diwawancara Fareed Zakaria dari *Cable News Network (CNN)* lewat hari ini mengenai pencapaian ekonomi negara.

Najib juga akan mengunjungi Presiden Swiss Confederation, Ueli Maurer, menghadiri sesi dengan rakan-rakan sejawatan dan negara-negara anggota ASEAN serta mengadakan pertemuan dua hala dengan ahli-ahli perniagaan dunia.

Kemuncak acara hari ini ialah Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Malam Malaysia yang akan menampilkan pencapaian dan keunikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan dan pelancongan. - UTUSAN